



# Skim Persaraan Swasta Korporat Manulife

- ✓ *Menarik dan mengekalkan khidmat kakitangan dengan Skim Persaraan Swasta (PRS) sebagai insentif tambahan*
- ✓ *Mengoptimumkan penjimatan cukai daripada sumbangan PRS bagi pihak kakitangan*
- ✓ *Fleksibiliti menyesuaikan manfaat perletakan hak kakitangan*

📞 (03) 2719 9271  
✉️ [manulifeim.com.my](http://manulifeim.com.my)

Imbas kod QR untuk melayari laman web kami



Untuk menempa  
kejayaan di pasaran...  
kita perlu menang  
di tempat kerja kita  
terlebih dahulu

## Tambah simpanan demi persaraan yang lebih mampan

Perancangan persaraan kini semakin mendapat perhatian rakyat Malaysia memandangkan jangka hayat purata rakyat diramalkan meningkat kepada 72.6 tahun bagi lelaki dan 77.6 tahun bagi wanita<sup>1</sup>. Akibatnya, simpanan persaraan sekurang-kurangnya 15 hingga 20 tahun diperlukan untuk memastikan kecukupan dana untuk menyara hidup sepanjang zaman persaraan.

Menurut Private Pension Administrator Malaysia (PPA)\*, berasaskan kajian dan laporan, orang ramai disyorkan agar merancang untuk mempunyai sekurang-kurangnya dua pertiga (67%) daripada pendapatan terakhir yang diperolehi untuk mengekalkan gaya hidup yang sama semasa bersara<sup>2</sup>. Untuk mencapai tahap ini, PPA mencadangkan simpanan sekurang-kurangnya satu pertiga (33%) daripada gaji sebulan<sup>2</sup>. Justeru, menabung jumlah tambahan 10% daripada gaji bulanan dalam PRS<sup>2</sup> di samping caruman persaraan wajib berpotensi membantu membina dana persaraan yang mampan.

<sup>1</sup> Sumber: <https://www.ppa.my/isaveinprs>: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020.

<sup>2</sup> Sumber: <https://www.ppa.my/isaveinprs>

\* Private Pension Administrator Malaysia (PPA) ialah pentadbir pusat bagi Skim Persaraan Swasta (PRS). PPA merupakan sebuah badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk melindungi kepentingan ahli-ahli PRS dan mendidik orang ramai tentang PRS. Sumber: <https://www.ppa.my/about-ppa>

Ini adalah untuk ilustrasi umum sahaja. Maklumat di atas mungkin mengandungi unjuran atau kenyataan tinjauan masa depan lain berkaitan peristiwa atau anggaran masa depan. Tiada jaminan bahawa kejadian tersebut akan berlaku, dan keputusannya mungkin berbeza dengan ketara daripada yang terkandung di dalam ini.

## Apa itu Skim Persaraan Swasta ("PRS")?

Siapa boleh melabur  
dalam PRS?



Rakyat  
Malaysia



Umur 18  
dan ke atas



Bekerja



# Mengapa menyumbang kepada PRS?



## Manfaat untuk majikan

- 1 *Menarik kakitangan berbakat* menyertai organisasi anda dengan menawarkan PRS sebagai insentif tambahan.
- 2 *Mengekalkan bakat* dan mengiktiraf sumbangan mereka menerusi perletakan hak.
- 3 *Mengoptimumkan penjimatan cukai* dengan potongan<sup>3</sup> sehingga 7% melebihi kadar berkanun bagi sumbangan kepada PRS yang dibuat bagi pihak kakitangan anda.
- 4 *Fleksibiliti* untuk memilih dana PRS Manulife, jumlah sumbangan dan kaedah pembayaran.
- 5 Jumlah sumbangan minimum *termampu* sebanyak RM100.



## Manfaat untuk kakitangan

- 1 *Pelepasan cukai* – Sehingga RM3,000 setahun (sehingga 2025) untuk sumbangan PRS individu (tertakluk pada terma dan syarat).
- 2 *Pilihan pengeluaran bersyarat* untuk tujuan perumahan dan penjagaan kesihatan\*\*.
- 3 Simpanan dalam PRS *dilindungi daripada pemutang* seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 139ZA Akta Pasaran dan Perkhidmatan Modal 2007.
- 4 Perlindungan *percuma* untuk Hayat Bertempoh Kumpulan dan/atau Takaful Kemalangan Diri Kumpulan (tertakluk pada terma dan syarat).
- 5 *Penamaan* PRS – Jika penamaan dibuat, penama boleh mengeluarkan simpanan PRS Ahli yang telah meninggal dunia menurut peratus yang diperuntukkan seperti yang dinyatakan dalam borang penamaan.
- 6 *Pertukaran percuma* antara dana PRS Manulife untuk sehingga 12 kali setiap tahun kalender.
- 7 Akses akaun Manulife PRS anda pada bila-bila masa, di mana-mana sahaja menerusi platform dalam talian skim PRS korporat kami.




<sup>3</sup> Sumber: <https://www.ppa.my/joining-prs/prs-for-employers/>

\*\* Sumber: Private Pension Administrator Malaysia. Tertakluk pada terma dan syarat. Seperti yang ditakrifkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

# Bagaimana PRS berfungsi?

Sumbangan PRS akan disimpan dalam Sub-Akaun A (70%) dan Sub-Akaun B (30%).



## Pengeluaran Sub-Akaun A + B

Dana boleh dikeluarkan tanpa penalti:

- Mencapai umur persaraan.
- Apabila berlaku kematian.
- Selepas meninggalkan Malaysia secara kekal.
- Sekiranya mengalami kehilangan upaya menyeluruh dan kekal, penyakit serius, atau kehilangan upaya mental.

## Pengeluaran Sub-Akaun B

Dana boleh dikeluarkan sebelum bersara:

- Satu tahun selepas tarikh pendaftaran.
- Hanya sekali setiap tahun kalender.
- Untuk sebab-sebab berikut:
  - Tujuan umum (penalti cukai 8% dikenakan)
  - Tujuan perumahan\*\*\*
  - Tujuan penjagaan kesihatan\*\*\*

Sila rujuk [halaman Soalan Lazim Mengenai PRS](#) untuk butiran lanjut.



\*\*\* Sumber: Private Pension Administrator Malaysia. Tertakluk pada terma dan syarat. Seperti yang ditakrifkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

# Skim Persaraan Swasta Korporat Manulife dan manfaat perletakan hak tersesuai

## Manfaat perletakan hak yang disesuaikan

Skim Persaraan Swasta Korporat Manulife (“PRS Korporat Manulife”) ialah satu program insentif yang boleh digunakan oleh organisasi untuk *menarik* dan *mengekalkan* khidmat kakitangan dengan membantu mereka membuat simpanan dan pelaburan untuk persaraan mereka.

Berganding bahu dengan kakitangan, organisasi-organisasi boleh membantu mereka merealisasikan aspirasi kerjaya mereka sambil mencapai matlamat kewangan masing-masing.

Program Perletakan Hak PRS Manulife membolehkan *majikan membuat caruman bagi pihak kakitangan atau memberi ganjaran kepada kakitangan* berbakat menerusi sumbangan berkala atau bayaran sekali gus ke dalam simpanan PRS mereka sebagai insentif.

Terdapat dua jenis Program Perletakan Hak PRS Manulife

### Perletakan Hak Serta-Merta

- Hak ke atas sumbangan akan diberikan serta-merta kepada kakitangan tanpa sebarang syarat.
- Kakitangan memperoleh 100% daripada sumbangan PRS majikan dari masa dana dikreditkan ke dalam akaun PRS masing-masing.

### Perletakan Hak Bersyarat

- Hak ke atas sumbangan hanya diberikan kepada kakitangan setelah mereka memenuhi syarat-syarat tertentu yang ditetapkan oleh majikan seperti bilangan tahun perkhidmatan, pangkat atau umur.



# Manulife PRS Series

## Manulife PRS NESTEGG Series: Dana Teras

	Manulife PRS-Growth Fund	Manulife PRS-Moderate Fund	Manulife PRS-Conservative Fund
<b>Objektif pelaburan</b>	Dana bertujuan memudahkan pengumpulan simpanan persaraan# dengan menjana pertumbuhan modal dalam jangka panjang.	Dana bertujuan memudahkan pengumpulan simpanan persaraan# menerusi kombinasi pendapatan## dan pertumbuhan modal dalam jangka panjang.	Dana bertujuan menjana pulangan stabil sambil melindungi# modal.
<b>Peruntukan aset</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Maksimum 95% daripada NAB Dana akan dilaburkan dalam ekuiti, sekuriti berkaitan ekuiti dan/atau REIT (menerusi skim pelaburan bersama); dan</li> <li>• Sekurang-kurangnya 5% daripada NAB Dana akan dilaburkan dalam instrumen pendapatan tetap seperti bon, instrumen pasaran wang dan deposit dengan institusi kewangan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Maksimum 65% daripada NAB Dana akan dilaburkan dalam ekuiti, sekuriti berkaitan ekuiti dan/atau REIT (menerusi skim pelaburan bersama); dan</li> <li>• Sekurang-kurangnya 35% daripada NAB Dana akan dilaburkan dalam instrumen pendapatan tetap seperti bon, instrumen pasaran wang dan deposit dengan institusi kewangan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Maksimum 35% daripada NAB Dana akan dilaburkan dalam ekuiti, sekuriti berkaitan ekuiti dan/atau REIT (menerusi skim pelaburan bersama); dan</li> <li>• Sekurang-kurangnya 65% daripada NAB Dana akan dilaburkan dalam instrumen pendapatan tetap seperti bon, instrumen pasaran wang dan deposit dengan institusi kewangan.</li> </ul>
<b>Profil ahli</b>	<p>Dana ini sesuai bagi Ahli yang:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• sanggup menanggung risiko sederhana hingga tinggi;</li> <li>• mahu menjana peningkatan modal daripada sumbangan mereka;</li> <li>• mahu memanfaatkan skim simpanan persaraan tambahan# selain daripada skim persaraan wajib;</li> <li>• tidak berkewajipan di bawah undang-undang untuk mencarum dalam skim persaraan wajib; dan/atau</li> <li>• merupakan majikan yang mahu mencarum bagi pihak kakitangan mereka yang mempunyai ciri-ciri di atas.</li> </ul>	<p>Dana ini sesuai bagi Ahli yang:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• sanggup menanggung risiko sederhana;</li> <li>• mahu menjana peningkatan modal dan agihan Unit atas dana daripada sumbangan mereka;</li> <li>• mahu memanfaatkan skim simpanan persaraan tambahan# selain daripada skim persaraan wajib;</li> <li>• tidak berkewajipan di bawah undang-undang untuk mencarum dalam skim persaraan wajib; dan/atau</li> <li>• merupakan majikan yang mahu mencarum bagi pihak kakitangan mereka yang mempunyai ciri-ciri di atas.</li> </ul>	<p>Dana ini sesuai bagi Ahli yang:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• sanggup menanggung risiko rendah;</li> <li>• mahu mendapatkan pengagihan berkala Unit daripada sumbangan mereka;</li> <li>• mahu memanfaatkan skim simpanan persaraan tambahan# selain daripada skim persaraan wajib;</li> <li>• tidak berkewajipan di bawah undang-undang untuk mencarum dalam skim persaraan wajib; dan/atau</li> <li>• merupakan majikan yang mahu mencarum bagi pihak kakitangan mereka yang mempunyai ciri-ciri di atas.</li> </ul>
<b>Pilihan tersedia: umur pada masa sumbangan</b>	Umur 45 tahun ke bawah	Umur 45 tahun hingga umur 55 tahun ke bawah	Umur 55 tahun dan ke atas
<b>Tahun kewangan berakhir</b>	31 Ogos		
<b>Caj jualan</b>	<b>Unit Kelas A:</b> Tiada <b>Unit Kelas C##:</b> Sehingga 3.00% daripada NAB seunit		
<b>Caj penebusan</b>	<p><b>Unit Kelas A:</b></p> <p>Caj Penebusan akan dikenakan pada kadar yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 3.00% daripada NAB seunit bagi pengeluaran pada tahun ke-2 selepas sumbangan pertama kepada Dana;</li> <li>• 2.00% daripada NAB seunit bagi pengeluaran pada tahun ke-3 selepas sumbangan pertama kepada Dana;</li> <li>• 1.00% daripada NAB seunit bagi pengeluaran pada tahun ke-4 selepas sumbangan pertama kepada Dana; dan</li> <li>• Tiada Caj Penebusan akan dikenakan bagi pengeluaran mulai tahun ke-5 selepas sumbangan pertama kepada Dana.</li> </ul> <p><b>Unit Kelas C:</b> Tiada caj penebusan</p>		
<b>Yuran pengurusan tahunan</b> (% setahun NAB bagi Kelas Unit Dana ini)	<b>Unit Kelas A:</b> 1.80% <b>Unit Kelas C:</b> 1.50%	<b>Unit Kelas A:</b> 1.50% <b>Unit Kelas C:</b> 1.25%	<b>Unit Kelas A:</b> 1.20% <b>Unit Kelas C:</b> 1.00%
<b>Yuran Pemegang Amanah tahunan</b>	<b>Unit Kelas A &amp; C:</b> 0.04% setahun daripada NAB Dana		
<b>Pemegang Amanah Skim</b>	HSBC (Malaysia) Trustee Berhad 193701000084 (1281-T)		

NAB: Nilai aset bersih

# Perhatian bahawa Dana ini bukan dana modal terjamin dan tidak dilindungi modalnya, maka modal Ahli tidak dijamin atau dilindungi.

## Pendapatan yang diisyiharkan akan dilaburkan semula dalam bentuk Unit tambahan yang diterbitkan untuk Ahli.

### Caj Jualan tidak dikenakan bagi Unit yang ditukarkan daripada Unit Kelas A kepada Unit Kelas C. Unit Kelas C tambahan yang dibeli oleh Ahli yang bertukar daripada Kelas A kepada Kelas C tidak akan dikenakan Caj Jualan.

Sila ambil perhatian bahawa Manulife PRS-Moderate Fund dan Manulife PRS-Conservative Fund boleh mengisyiharkan pengagihan daripada modal dan mungkin menyebabkan penyusutan modal. Pengagihan dibuat dengan melepaskan potensi bagi pertumbuhan modal masa depan dan kitaran ini mungkin diteruskan sehingga seluruh modal habis digunakan.

# Manulife PRS Series

## Manulife Shariah PRS NESTEGG Series: Dana Teras

	Manulife Shariah PRS -Growth Fund	Manulife Shariah PRS -Moderate Fund	Manulife Shariah PRS -Conservative Fund
<b>Objektif pelaburan</b>	Dana bertujuan untuk memudahkan pengumpulan simpanan persaraan# dengan menjana pertumbuhan modal dalam jangka panjang.	Dana bertujuan memudahkan pengumpulan simpanan persaraan# menerusi kombinasi pendapatan## dan pertumbuhan modal dalam jangka panjang.	Dana bertujuan menjana pulangan stabil sambil melindungi# modal.
<b>Peruntukan aset</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Maksimum 95% daripada NAB Dana akan dilaburkan dalam ekuiti patuh Syariah, sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah dan/atau REIT Islam (menerusi skim pelaburan bersama Islam); dan</li> <li>• Sekurang-kurangnya 5% daripada NAB Dana akan dilaburkan dalam sukuk, instrumen pasaran wang Islam, dan/atau deposit Islam dengan institusi kewangan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Maksimum 65% daripada NAB Dana akan dilaburkan dalam ekuiti patuh Syariah, sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah dan/atau REIT Islam (menerusi skim pelaburan bersama Islam); dan</li> <li>• Sekurang-kurangnya 35% daripada NAB Dana akan dilaburkan dalam sukuk, instrumen pasaran wang Islam, dan/atau deposit Islam dengan institusi kewangan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Maksimum 35% daripada NAB Dana akan dilaburkan dalam ekuiti patuh Syariah, sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah dan/atau REIT Islam (menerusi skim pelaburan bersama Islam); dan</li> <li>• Sekurang-kurangnya 65% daripada NAB Dana akan dilaburkan dalam sukuk, instrumen pasaran wang Islam, dan/atau deposit Islam dengan institusi kewangan.</li> </ul>
<b>Profil ahli</b>	<p>Dana ini sesuai bagi Ahli yang:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• sanggup menanggung risiko sederhana hingga tinggi;</li> <li>• mahu menjana peningkatan modal daripada sumbangan mereka;</li> <li>• mahu memanfaatkan skim simpanan persaraan tambahan# selain daripada skim persaraan wajib;</li> <li>• tidak berkewajipan di bawah undang-undang untuk mencarum dalam skim persaraan wajib;</li> <li>• merupakan majikan yang mahu mencarum bagi pihak kakitangan mereka yang mempunyai ciri-ciri di atas; dan/atau</li> <li>• mahu melabur dalam pelaburan patuh Syariah.</li> </ul>	<p>Dana ini sesuai bagi Ahli yang:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• sanggup menanggung risiko sederhana;</li> <li>• mahu menjana peningkatan modal dan agihan Unit atas dana daripada sumbangan mereka;</li> <li>• mahu memanfaatkan skim simpanan persaraan tambahan# selain daripada skim persaraan wajib;</li> <li>• tidak berkewajipan di bawah undang-undang untuk mencarum dalam skim persaraan wajib;</li> <li>• merupakan majikan yang mahu mencarum bagi pihak kakitangan mereka yang mempunyai ciri-ciri di atas; dan/atau</li> <li>• mahu melabur dalam pelaburan patuh Syariah.</li> </ul>	<p>Dana ini sesuai bagi Ahli yang:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• sanggup menanggung risiko rendah;</li> <li>• mahu mendapatkan pengagihan Unit yang berkala daripada sumbangan mereka;</li> <li>• mahu memanfaatkan skim simpanan persaraan tambahan# selain daripada skim persaraan wajib;</li> <li>• tidak berkewajipan di bawah undang-undang untuk mencarum dalam skim persaraan wajib;</li> <li>• merupakan majikan yang mahu mencarum bagi pihak kakitangan mereka yang mempunyai ciri-ciri di atas; dan/atau</li> <li>• mahu melabur dalam pelaburan patuh Syariah.</li> </ul>
<b>Pilihan tersedia: umur pada masa sumbangan</b>	Umur 45 tahun ke bawah	Umur 45 tahun hingga umur 55 tahun ke bawah	Umur 55 tahun dan ke atas
<b>Tahun kewangan berakhir</b>	31 Ogos		
<b>Caj jualan</b>	<b>Unit Kelas A:</b> Tiada <b>Unit Kelas C##:</b> Sehingga 3.00% daripada NAB seunit		
<b>Caj penebusan</b>	<b>Unit Kelas A:</b> Caj Penebusan akan dikenakan pada kadar berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• 3.00% daripada NAB seunit bagi pengeluaran pada tahun ke-2 selepas sumbangan pertama kepada Dana;</li> <li>• 2.00% daripada NAB seunit bagi pengeluaran pada tahun ke-3 selepas sumbangan pertama kepada Dana;</li> <li>• 1.00% daripada NAB seunit bagi pengeluaran pada tahun ke-4 selepas sumbangan pertama kepada Dana; dan</li> <li>• Tiada Caj Penebusan akan dikenakan bagi pengeluaran mulai tahun ke-5 selepas sumbangan pertama kepada Dana.</li> </ul> <b>Unit Kelas C:</b> Tiada caj penebusan		
<b>Yuran pengurusan tahunan (%) setahun NAB bagi Kelas Unit Dana ini)</b>	<b>Unit Kelas A:</b> 1.80% <b>Unit Kelas C:</b> 1.50%	<b>Unit Kelas A:</b> 1.50% <b>Unit Kelas C:</b> 1.25%	<b>Unit Kelas A:</b> 1.20% <b>Unit Kelas C:</b> 1.00%
<b>Yuran Pemegang Amanah tahunan</b>	<b>Unit Kelas A &amp; C:</b> 0.025% setahun daripada NAB Dana		
<b>Pemegang Amanah Skim</b>	CIMB Islamic Trustee Berhad 198801000556 (167913-M)		

# Perhatian bahawa Dana ini bukan dana modal terjamin dan tidak dilindungi modalnya, maka modal Ahli tidak dijamin atau dilindungi.

## Pendapatan yang diisyiharkan akan dilaburkan semula dalam bentuk Unit tambahan yang diterbitkan untuk Ahli.

### Caj Jualan tidak dikenakan bagi Unit yang ditukarkan daripada Unit Kelas A kepada Unit Kelas C. Unit Kelas C tambahan yang dibeli oleh Ahli yang bertukar daripada Kelas A kepada Kelas C tidak akan dikenakan Caj Jualan.

Sila ambil perhatian bahawa Manulife Shariah PRS-Moderate Fund dan Manulife Shariah PRS-Conservative Fund boleh mengisyiharkan pengagihan daripada modal dan mungkin menyebabkan penyusutan modal. Pengagihan dibuat dengan melepaskan potensi bagi pertumbuhan modal masa depan dan kitaran ini mungkin diteruskan sehingga seluruh modal habis digunakan.

# Manulife PRS Series

**Manulife PRS NESTEGG Series & Manulife Shariah PRS NESTEGG Series: Dana Bukan Teras**

	Manulife PRS Asia-Pacific REIT Fund	Manulife Shariah PRS-Global REIT Fund	Manulife Shariah PRS-Golden Asia Fund
<b>Objektif pelaburan</b>	Dana berusaha menjana peningkatan modal jangka panjang dan pendapatan mampan## dengan melabur dalam satu skim pelaburan bersama, yang melabur terutamanya dalam REIT.	Dana berusaha menjana pendapatan berkala## dan peningkatan modal menerusi pelaburan dalam satu skim pelaburan bersama Islam yang melabur terutamanya dalam REIT Islam.	Dana berusaha menjana peningkatan modal dengan melabur dalam portfolio skim pelaburan bersama Islam.
<b>Peruntukan aset</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sekurang-kurangnya 85% daripada NAB Dana akan dilaburkan dalam Dana Sasaran; dan</li> <li>Baki NAB Dana akan dilaburkan dalam aset cair seperti instrumen pasaran wang (termasuk sekuriti pendapatan tetap yang mempunyai baki tempoh matang tidak lebih daripada 365 hari), simpanan deposit jangka pendek dengan institusi kewangan untuk tujuan kecairan dan/atau derivatif untuk tujuan melindung nilai semata-mata.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sekurang-kurangnya 85% daripada NAB Dana akan dilaburkan dalam Dana Sasaran; dan</li> <li>Baki NAB Dana akan dilaburkan dalam aset cair Islam seperti instrumen pasaran wang Islam, simpanan deposit Islam jangka pendek dengan institusi kewangan untuk tujuan kecairan dan/atau instrumen lindung nilai Islam untuk tujuan melindung nilai semata-mata.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Minimum 85% daripada NAB Dana akan dilaburkan dalam portfolio skim pelaburan bersama Islam; dan</li> <li>Sehingga 15% NAB dana akan dilaburkan dalam aset cair Islam seperti tunai, instrumen pasaran wang Islam yang diuruskan mengikut atau di bawah peraturan Pasaran Layak dan dengan tempoh sehingga matang tidak melebihi 12 bulan, akaun pelaburan am, penempatan dalam deposit Islam jangka pendek dengan institusi kewangan untuk tujuan kecairan dan instrumen lindung nilai Islam untuk tujuan melindung nilai semata-mata.</li> </ul>
<b>Profil ahli</b>	<p>Dana ini sesuai bagi Ahli yang:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>mahu mendapat pendedahan pelaburan terutamanya menerusi portfolio REIT terpelbagai di rantau Asia Pasifik;</li> <li>mahu memanfaatkan pengagihan Unit mampan dan juga pertumbuhan modal jangka panjang bagi sumbangan mereka;</li> <li>mahu mencarum dalam skim simpanan persaraan tambahan# di samping skim persaraan wajib;</li> <li>tidak berkewajipan di bawah undang-undang untuk mencarum dalam skim persaraan wajib; dan/atau</li> <li>merupakan majikan yang mahu mencarum bagi pihak kakitangan mereka yang mempunyai ciri-ciri di atas.</li> </ul>	<p>Dana ini sesuai bagi Ahli yang:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>mahu mendapat pendedahan pelaburan terutamanya menerusi portfolio terpelbagai REIT di peringkat global;</li> <li>mahu memanfaatkan pengagihan Unit mampan dan potensi pertumbuhan modal atas sumbangan mereka dalam jangka pertengahan hingga panjang (bermakna tempoh tiga (3) hingga lima (5 tahun);</li> <li>mahu mencarum dalam skim simpanan persaraan tambahan# di samping skim persaraan wajib;</li> <li>tidak berkewajipan di bawah undang-undang untuk mencarum dalam skim persaraan wajib;</li> <li>merupakan majikan yang mahu mencarum bagi pihak kakitangan mereka yang mempunyai ciri-ciri di atas; dan/atau</li> <li>mahu melabur dalam pelaburan patuh Syariah.</li> </ul>	<p>Dana ini sesuai bagi Ahli yang:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>mahu menjana peningkatan modal dengan tumpuan pelaburan di pasaran China dan India;</li> <li>mempunyai tempoh pelaburan jangka panjang;</li> <li>mahu mencarum dalam skim simpanan persaraan tambahan# di samping skim persaraan wajib;</li> <li>tidak berkewajipan di bawah undang-undang untuk mencarum dalam skim persaraan wajib;</li> <li>merupakan majikan yang mahu mencarum bagi pihak kakitangan mereka yang mempunyai ciri-ciri di atas; dan/atau</li> <li>mahu melabur dalam pelaburan patuh Syariah.</li> </ul>
<b>Pilihan tersedia: umur pada masa sumbangan</b>	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
<b>Tahun kewangan berakhir</b>	30 September	31 Januari	31 Julai
<b>Caj jualan</b>	<b>Unit Kelas C##:</b> Sehingga 3.00% daripada NAB seunit		
<b>Caj penebusan</b>	<b>Unit Kelas C:</b> Tiada caj penebusan		
<b>Yuran pengurusan tahunan</b> (% setahun NAB bagi Kelas Unit Dana ini)	<b>Unit Kelas C:</b> Sehingga 1.75%	<b>Unit Kelas C:</b> Sehingga 1.80%	
<b>Yuran Pemegang Amanah tahunan</b>	<b>Unit Kelas C:</b> 0.04% setahun daripada NAB Dana	<b>Unit Kelas C:</b> 0.025% setahun daripada NAB Dana	
<b>Pemegang Amanah Skim</b>	HSBC (Malaysia) Trustee Berhad 193701000084 (1281-T)	CIMB Islamic Trustee Berhad 198801000556 (167913-M)	

# Perhatian bahawa Dana ini bukan dana modal terjamin dan tidak dilindungi modalnya, maka modal Ahli tidak dijamin atau dilindungi.

## Pendapatan yang diisyiharkan akan dilaburkan semula dalam bentuk Unit tambahan yang diterbitkan untuk Ahli.

### Caj Jualan tidak dikenakan bagi Unit yang ditukarkan daripada Unit Kelas A kepada Unit Kelas C. Unit Kelas C tambahan yang dibeli oleh Ahli yang bertukar daripada Kelas A kepada Kelas C tidak akan dikenakan Caj Jualan.

# Kami merupakan penyedia penyelesaian persaraan utama dunia

## Kanada



### Penyelesaian persaraan kumpulan

C\$91.8 bilion

16,000

2.3 juta

No. 2 dalam pelan Kumpulan, mengikut AUMA<sup>4</sup>

No. 1 dalam pelan Caruman Wajib, mengikut jualan<sup>5,6</sup>

## Hong Kong



### MPF & ORSO

US\$41.3 bilion

191,000

2.3 juta

No. 1 dalam pasaran MPF, mengikut AUMA<sup>9</sup>

No. 1 dalam pasaran MPF, mengikut aliran tunai bersih<sup>9</sup>

## Amerika Syarikat



### Perkhidmatan pelan persaraan

US\$204.1 bilion<sup>7</sup>

56,000

3.5 juta

No. 5 dalam pelan Caruman Wajib kes kecil, mengikut AUMA<sup>8</sup>

No. 1 dalam pelan Caruman Wajib kes kecil, mengikut pelan<sup>8</sup>

No. 3 dalam pelan Caruman Wajib kes kecil & sederhana, mengikut jualan<sup>8</sup>

## Indonesia



### Dana persaraan

US\$1.8 bilion

4,300

0.7 juta

No. 2 dalam pelan Caruman Wajib, mengikut AUMA<sup>10</sup>

Aset di bawah pengurusan dan pentadbiran (AUMA)

Bilangan pelan persaraan

Ahli didaftarkan

AUMA, Pelan dan Data Ahli pada Suku 2, 2023

Nota:

<sup>4</sup> Berasaskan data 2021, untuk pelan pengumpulan modal; Sumber: Laporan Pencen Sejagat Kumpulan Fraser 2021.

<sup>5</sup> Data Suku 1, 2023; Sumber: LIMRA.

<sup>6</sup> Termasuk semua perniagaan pelan DC.

<sup>7</sup> Aset Persaraan Amerika Syarikat (AS) termasuk perniagaan Persaraan Hayat New York AS yang diperolehi pada April 2015.

<sup>8</sup> Pasaran Kecil termasuk pelan DC dengan aset kurang daripada US\$25 juta. Pasaran Kecil & Sederhana termasuk pelan DC dengan aset kurang daripada US\$100 juta; Sumber (mengikut pelan dan jualan): Kad Markah LIMRA 401k Suku 1 2023, Sumber (mengikut AUMA): Tinjauan Catatan Rekod Majalah Plan Sponsor, data pada 31 Disember 2021.

<sup>9</sup> Laporan Bahagian Pasaran Mercer MPF pada Suku 1, 2023.

<sup>10</sup> Sumber: Penarafan pasaran Persatuan DPLK mengikut AUMA pada Suku 4 2022.



## Apakah Manulife iFUNDS?

Manulife iFUNDS ialah platform pelaburan dana dalam talian kami yang membolehkan anda menguruskan portfolio unit amanah dan PRS anda pada bila-bila masa, di mana-mana sahaja – dengan lancar.

Menerusi Manulife iFUNDS, anda boleh membuka akaun PRS dan mula melabur, atau menambah nilai sumbangan anda yang sedia ada dalam Dana PRS Manulife dengan selesa dan mudah dari rumah anda sendiri.

Platform mudah alih responsif ini menyediakan cara yang mesra pengguna, intuitif dan selamat untuk menguruskan portfolio anda.

## Mengapa melabur melalui Manulife iFUNDS?

-  **Pelaburan di hujung jari**  
Anda hanya perlukan telefon pintar atau tablet.
-  **Gambaran keseluruhan**  
Lakukan penilaian portfolio secara keseluruhan atau dapatkan maklumat yang lebih terperinci.
-  **Pengalaman digital bersepadu**  
Manulife iFUNDS menggabungkan ilmu kepakaran penasihat profesional dan data pelaburan penting.
-  **Manfaatkan peluang pelaburan**  
Menerusi tambah nilai dan pertukaran dana lebih pantas.
-  **Penentusan biometrik**  
Akses mudah menerusi cap jari atau pengecaman muka.

## Untuk maklumat lebih lanjut tentang Manulife iFUNDS

Buka akaun dengan  
[Manulife iFUNDS](#)



Layari laman web  
[Manulife iFUNDS](#)



### Penafian:

Maklumat di atas tidak disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan tertakluk kepada amaran, penafian, kelayakan atau terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Dokumen Pendedahan Manulife PRS NESTEGG Series bertarikh 14 Februari 2022 dan Dokumen Pendedahan Tambahan Pertamanya bertarikh 30 Ogos 2023 dan Dokumen Pendedahan Manulife Shariah PRS NESTEGG Series bertarikh 14 Februari 2022 dan Dokumen Pendedahan Tambahan Pertamanya bertarikh 30 Ogos 2023 dan semua Lembaran Maklumat Penting Produk masing-masing (secara bersama dinamakan "Dokumen Tawaran"), yang boleh didapati di pejabat atau laman web kami, sebelum melabur. Dokumen Tawaran telah didaftarkan dengan SC, bagaimanapun, pendaftaran dengan SC tidak bermaksud atau menunjukkan bahawa SC telah mengesyorkan atau mengesahkan produk tersebut. Terdapat risiko yang terbabit dengan pelaburan dalam dana unit amanah; dana borong dan/atau Skim Persaraan Swasta. Antara risiko yang berkaitan dengan pelaburan dalam dana unit amanah; dana borong dan/atau Skim Pelaburan Swasta ialah risiko turun naik kadar faedah, risiko tukaran asing atau mata wang, risiko negara, risiko politik, risiko kredit, risiko ketidakpatuhan, risiko pihak yang berurus, risiko pengurusan dana sasaran, risiko kecairan dan risiko kadar faedah. Untuk maklumat lanjut tentang profil risiko semua dana, sila rujuk kepada bahagian Faktor Risiko dalam Dokumen Tawaran. Harga unit dan pengagihan pendapatan mungkin turun atau naik. Pelabur hendaklah membandingkan dan mempertimbangkan yuran, caj dan kos yang terbabit. Pelabur dinasihatkan untuk menjalankan penilaian risiko sendiri dan berunding dengan penasihat profesional jika ragu-ragu tentang tindakan yang patut diambil.

Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau percanggahan yang timbul daripada terjemahan Bahasa Malaysia brosur ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.